

18/05/2002

Dr Mahathir bidas cara CNN temu ramah

Kadir Dikoh

SEPANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, membidas stesen televisyen CNN yang bukan saja tidak memberinya peluang membuat penjelasan mengenai pelbagai isu penting, malah membuat kenyataan dan tanggapan mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata, walaupun stesen itu yang menjemputnya untuk temuramah eksklusif yang disiarkan malam semalam, beliau diberi gambaran seperti menerima pendapat penemuramah siaran itu.

"Penemuramah CNN ini ada satu pendekatan iaitu apabila membuat soalan dia membuat kenyataan yang panjang, yang menuduh kita itu dan ini, dan akhirnya bertanya soalan yang tiada kaitan dengan kenyataan yang dibuat.

"Dengan cara itu nampak seolah-olah orang yang ditemuramah menerima kenyataan yang dibuat penemuramah berkenaan.

"Inilah cara-cara kotor yang digunakan CNN dengan tidak mahu memberi saya peluang menjawab sedangkan mereka yang jemput untuk menemuramah saya," katanya setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas lawatannya ke Washington DC di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, jika diperhatikan temuramah itu, orang yang menemuramahnya lebih banyak memberi pendapatnya sendiri daripada meminta pendapat beliau.

"Kalau dia nak bagi pendapat dia tak payahlah tanya saya," katanya.

Ditanya mengenai tuduhan media asing bahawa Malaysia tidak demokratik terhadap pihak pembangkang, beliau berkata jika Malaysia dibandingkan negara lain, mereka lebih kejam.

"Kalau kita iktiraf orang yang dituduh oleh mereka sebagai pembangkang, pengganas umpamanya, tindakan mereka lebih keras lagi, tidak ada perbicaraan langsung dan ini seolah-olah tidak dihiraukan.

"Perbuatan negara-negara lain tidak menjadi tumpuan, mereka (media asing) hanya menumpu kepada Malaysia saja," katanya.

Mengenai kemungkinan dagangan terutama aliran pelaburan langsung asing (FDI) akan meningkat secara mendadak berikutan hasil lawatannya ke Amerika Syarikat serta pulihnya hubungan antara Kuala Lumpur-Washington, beliau berkata lawatan itu bukan bermaksud menggalakkan lebih banyak pelaburan.

Bagaimanapun katanya, beliau melihat Amerika Syarikat sebagai sebuah negara yang mempunyai pasaran amat besar. Masalahnya, Malaysia tidak mengambil inisiatif mempromosikan barangannya.

Malah katanya, tidak ada satu tempat yang mana barang Malaysia dapat dipamer dan tidak ada usaha oleh pengusaha Malaysia mempromosikan barang mereka sedangkan pasaran di negara itu begitu besar.

"Kalau kita dapat cuma satu peratus pun (pasaran di Amerika), itu sudah besar.

"Pasaran perabot di Amerika amat besar sekali dan banyak lagi barangan lain yang diusahakan di Malaysia saya yakin mempunyai peluang dipasarkan di Amerika," katanya sambil menambah, kedutaan Malaysia bersetuju menyediakan tempat bagi mempamerkan produk Malaysia.

Mengenai perbincangannya dengan Alan Greenspan, Dr Mahathir berkata Pengerusi Lembaga Simpanan Persekutuan itu ada berbincang dengan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akthiar Aziz mengenai perbankan Islam.

Katanya, amat jelas Greenspan tidak mempunyai banyak maklumat mengenai perbankan Islam sehingga bertanyakan pelbagai perkara termasuk bon Islam, sedangkan itu sudah diusahakan Malaysia sejak sekian lama.

Malah katanya, banyak lagi produk perbankan Islam yang dicipta di Malaysia yang diterima masyarakat Islam.

"Jelas sekali bahawa mereka tertumpu kepada sistem mereka saja dan mereka tidak begitu yakin sistem perbankan Islam ini boleh diguna," katanya.

Perdana Menteri juga mengulas keinginan negara membeli jet pejuang Super Hornet.

Katanya, pihak Washington menyatakan jet pejuang terbaru buatan negara itu tidak pernah diluluskan untuk dijualkan pada negara lain.

"Cadangan kita adalah untuk trade-in jet pejuang lama dengan yang baru kerana yang baru ini agak lebih superior daripada yang lama. Itu cadangan kita, tetapi itu akan mengambil masa," katanya.

Menjawab soalan mengenai pandangan Amerika terhadap Iraq, Dr Mahathir berkata beliau tidak peduli sekiranya Amerika Syarikat ingin meruntuhkan kerajaan Presiden Saddam Hussein asalkan ia tidak menjadikan rakyat Iraq sebagai mangsa.

"Kita tahu rakyat Iraq menderita sedangkan Saddam Hussein tidak sedikitpun menderita daripada tekanan mereka (AS)," katanya.

(END)